



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 6/1/2020	MUKA SURAT	: 8
JABATAN	: KATS / SPAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Kenaikan tarif air di Terengganu tidak akan bebankan pengguna B40

FOTO: URUSEJA PENERANGAN DARUL IMAN (UPI)



Ahmad Samsuri (empat dari kanan) selepas menyampaikan watakah pelantikan Pengerusi/ Timbalan Pengerusi dan Ahli Lembaga Rayuan Terengganu sesi 2019-2022 di Kuala Terengganu semalam.

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu belum memutuskan kadar baharu tarif air di negeri ini, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Menurutnya, kadar baharu tarif air tidak akan membebani golongan berpendapatan rendah (B40).

Beliau berkata, kerajaan negeri telah memberi komitmen berhubung kenaikan kadar tarif air sebagaimana yang disaran-

kan kerajaan Persekutuan.

"Kita telah berbincang dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli mengenai perkara ini dan pada dasarnya kerajaan negeri bersetuju menerima kenaikan tarif itu walaupun tidak sama dengan negeri lain.

"Bagaimanapun, kadar kenaikan itu masih dalam pertim-bangan dan belum diputuskan lagi setakat ini. Apa yang pasti ia tidak memberi bebanan kepada pengguna dalam kalangan B40 kerana memberi lumpuan

lebih kepada industri berskala besar," katanya ketika ditemui pemberita di Wisma Darul Iman di sini semalam.

Dalam pada itu, Ahmad Samsuri berkata, kadar tarif air di Terengganu adalah antara yang paling lama tidak disemak sejak 20 tahun lalu.

"Kenaikan tarif air di bawah seliaan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan negeri ini paling lama tidak pernah membuat kajian mengenai kenaikan tarif air," katanya.